

**MENEROKA PENGHAYATAN IKLIM SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN
AKHLAK ATLET PELAJAR SEKOLAH SUKAN DI JOHOR****Siti Hajar Rahman*****Norlizah Che Hassan****Fathiyyah Fakharuddin**

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

norlizah@upm.edu.my*ABSTRACT**

A positive school climate can contribute to the wellbeing of students who have a balance between physical, emotional, spiritual and intellectual aspects. This study was conducted to explore the implementation of school climate through the research question of how students perform daily routines in the Johor State Sports School. This study was conducted using qualitative research methods of case study. A total of 10 informants consisting of student-athletes, teachers and principals were involved in this study. Data were collected through semi-structured in-depth interviews and data triangulation was supported through participatory observations, document analysis as well as field notes. As a result of the influence of the school climate on student-athletes, the study found that two main themes emerged. The first is to make the Johor State Sports School the school of choice because there are elements that strengthen spiritual learning. The second is to produce ideal students by shaping morals and student-athletes, producing students who care about mutual welfare, independent students, and leaders. The implications of this study are expected to be used as a guide and encouragement to the school, principals, teachers and MOE, especially in building a conducive and positive school environment.

Keywords: *School Climate, School Environment, Social Learning, Sports School, Moral*

PENGENALAN

Manusia akan dianggap mundur sekiranya tiada pendidikan. Pendidikan adalah salah satu agenda besar yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia (Wan Hassan 2007). Pendidikan yang bersifat jumud akan melahirkan bangsa yang kaku dan beku. Manakala pendidikan yang bersifat dinamik pula melahirkan bangsa cergas dan maju (Pendidikan, Sekolah, & Masyarakat, 2014). Pendidikan formal melalui institusi sekolah adalah elemen penting bagi semua bangsa dalam usaha pembangunan dari segenap aspek sama ada sosial, politik mahupun ekonomi. Bagi memastikan matlamat pendidikan tercapai, persekitaran sekolah yang merujuk kepada iklim sekolah memainkan peranan yang penting dalam memenuhi hasrat tersebut.

Persekutuan sekolah boleh memberi kesan dalam kehidupan pelajar. Persekutuan sekolah yang positif boleh menjadi pendorong kepada pelajar melakukan kebaikan manakala persekitaran sekolah yang negatif mendorong pelajar melakukan perkara yang sebaliknya. Kedua-dua unsur positif dan negatif tersebut merupakan pembelajaran persekitaran kepada pelajar dalam proses membentuk jati diri. Walaupun pelajar secara umumnya mempunyai kecenderungan meniru perkara yang negatif, namun kaedah dan strategi pendidikan yang tepat dan betul akan menjadikan pelajar dapat membezakan antara perkara yang baik dan buruk.

PENYATAAN MASALAH

Dalam kehidupan manusia, akhlak yang mulia merupakan perhiasan yang paling berharga. Namun, krisis keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja bukanlah satu perkara yang asing pada hari ini. Atlet pelajar dalam konteks kajian ini merupakan golongan remaja yang berusia lingkungan 13 hingga 17 tahun dan golongan ini juga mempunyai potensi untuk terlibat dengan masalah jenayah. Namun, sehingga ke hari ini, masalah jenayah berat yang melibatkan pihak berkuasa belum pernah lagi dikaitkan dengan atlet pelajar. Walaubagaimanapun, tumpuan untuk memastikan pembentukan akhlak golongan ini perlu diberikan penekanan bagi mengelakkan masalah salah laku sosial yang menjadi faktor kepada jenayah berat. Isu-isu berkaitan salah laku atlet bukanlah satu perkara yang baru, laporan-laporan dan sidang akhbar pernah memaparkan isu-isu seperti atlet terjun kebangsaan dan pesta alkohol di China, kesalahan merokok dan tidak hadir latihan oleh atlet Badminton kebangsaan dan lebih buruk lagi isu vandalisma yang dilakukan oleh atlet kebangsaan di kejohanan antarabangsa sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos ganti rugi yang tinggi. Penyakit-penyakit sosial seperti ini tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terkenal dengan norma-norma tatasusila dan peradaban. Justeru, inisiatif untuk memperbaiki mutu disiplin bagi membentuk atlet peringkat global yang berakhlek perlulah diambil bermula dari bangku sekolah lagi sebelum ia menjadi akar rosak yang memusnahkan daunnya.

Pembentukan akhlak baik atau buruk boleh dibentuk melalui faktor persekitaran sosial. Melalui kajian yang dilakukan oleh Rozmi Ismail et al. (2017) terhadap 480 responden daripada populasi remaja berisiko tinggi yang dalam penyalahgunaan bahan mendapati faktor persekitaran sosial merupakan faktor dominan bagi keterlibatan remaja dalam gejala tersebut. Persekitaran yang menjadikan agama sebagai paksi dalam menjalani kehidupan boleh menjadi faktor kepada kemenjadian generasi pelajar yang berakhlek terpuji. Kajian yang dilakukan oleh Norhisham Muhamad (2017) kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang melibatkan 886 orang responden menyatakan strategi pelaksanaan *Biah Solehah* memberi kesan yang positif terhadap pembentukan akhlak pelajar.

Berikutnya daripada kebejatan akhlak remaja dan atlet di Malaysia satu kajian berkaitan pembentukan akhlak bagi atlet pelajar perlu dijalankan. Walaupun terdapat kajian yang berkaitan penghayatan agama terhadap sekolah sukan seperti kajian Atikah Osman (2018) yang mengkaji hubungan penghayatan agama dan kesejahteraan psikologi terhadap pelajar Sekolah Sukan Negeri Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Jalan Air Leleh, Melaka, namun dapatannya masih lagi terbatas. Justeru, kajian-kajian yang berkaitan persekitaran sosial, penghayatan agama dan pembentukan akhlak perlu dilakukan terhadap atlet pelajar dengan lebih terperinci agar ianya boleh menjadi model kepada setiap sekolah sukan dalam membina atlet berakhlek berkelas dunia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka pelaksanaan iklim sekolah dengan menfokuskan kepada pengaruh penghayatan iklim Sekolah Sukan Negeri Johor kepada pembentukan akhlak atlet pelajar, sama ada di sekolah maupun di asrama.

SOROTAN KAJIAN

McBrien dan Brandt (1997) mendefinisikan iklim sekolah sebagai gabungan nilai, budaya, amalan keselamatan dan struktur organisasi dalam sesbuah sekolah yang berfungsi dalam memberi impak melalui kaedah-kaedah tertentu. Iklim sekolah ialah kualiti yang penting dalam persekitaran sekolah kerana ia dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar dan guru (Hoy & Sabo 1998). Menurut Benard (1995), iklim sekolah mengandungi elemen penyayang dan menyokong, harapan yang tinggi, dan peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah dapat menyuburkan kecekalan serta kekuatan

untuk berhadapan dengan faktor yang berisiko dalam kehidupan pelajar. Bagi pelajar yang berisiko, iklim sekolah yang positif amat diperlukan kerana pelajar tersebut biasanya dilayan tanpa mengambil kira keperluan diri mereka.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura menekankan tentang peranan persekitaran dalam pembentukan peribadi manusia. Bandura berpendapat, kanak-kanak dan remaja banyak belajar melalui peniruan. Menurutnya, tingkah laku remaja terhasil akibat daripada pengalaman pengasuhan kanak-kanak. Oleh itu, kebanyakan tingkah laku remaja adalah mengikut kehendak ibu bapa dan masyarakat. Tingkah laku yang menyeleweng pula adalah akibat pengasuhan dan proses sosialisasi yang kurang sempurna. Perubahan-perubahan dalam masyarakat seterusnya menghasilkan perubahan dalam persepsi terhadap masyarakat. Peranan penting persekitaran dalam pembentukan identiti seseorang individu tidak boleh diabaikan. Peranan ini dimainkan oleh individu-individu yang signifikan seperti ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, guru dan media massa. Kesemua faktor-faktor ini memberikan pengaruh yang kuat dalam pembentukan jati diri setiap individu masyarakat.

Ibnu Khaldun dalam kitabnya *al-Muqaddimah* menyatakan bahawa Taklid adalah termasuk dalam perkara semula jadi yang difitrahkan kepada manusia yang boleh mempengaruhi pembentukan peribadinya. Manusia secara semulajadi mempunyai sifat untuk meniru perbuatan orang di sekelilingnya sama ada sifat baik atau buruk. Jika persekitaran yang didiami baik, maka mereka akan mudah untuk meniru sifat yang baik daripada orang tersebut dan tanpa disedari akan mempelajari sesuatu daripadanya. Manusia akan memindahkan apa yang dilihat melalui pancaindera penglihatan kepada perlakuan atau tingkah laku berdasarkan maklumat yang diperolehi. Guru dan ibu bapa perlulah menunjukkan tingkah laku dan contoh yang baik kepada anak-anak kerana perbuatan mereka akan menjadi ikutan anak-anak tersebut. Ini memandangkan kadang-kadang Allah SWT mempermudahkan manusia memperolehi ilmu dalam jangka masa yang singkat apabila manusia berpegang kepada amalan para guru, ibu bapa dan tua. Mereka yang tidak berpegang kepada unsur-unsur tersebut antaranya akan mengalami keperitan dalam kehidupannya serta memperolehi ilmu yang tidak bermanfaat sehingga perlakuannya dan kehidupannya menjadi rosak (Ibnu Khaldun 2002 hh. 530-531).

Abdullah al-Amin Na'mi (1994) mengatakan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun memberi gambaran perbezaan antara manusia dan binatang dalam memberikan pengalaman, iaitu manusia akan mendapat faedah dalam kehidupan melalui pengalaman yang dihadapi oleh orang-orang sebelumnya. Manusia akan menggunakan akal untuk menilai setiap perbuatan yang dilalui dan tidak mengulangi percubaan yang sama oleh manusia lain untuk mendapat pengalaman. Perkara ini berbeza dengan binatang yang perlu mengulangi perbuatan yang dilakukan oleh binatang lain sepanjang hidupnya. Perbandingan ini memberikan ruang kepada manusia dalam memungkinkan mereka memindahkan warisan kebudayaan dan sosial oleh generasi terdahulu kepada generasi baru sehingga kehidupan manusia berterusan serta diperbaharui dalam corak kemasyarakatan (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar) 1994 h. 104).

Berdasarkan Muhammad Ghulam Nuruzzaman (2017), guru merupakan antara faktor sosial yang berpengaruh terhadap pembentukan peribadi pelajar. Segala ucapan, perbuatan, dan tingkah laku guru boleh dijadikan teladan yang boleh memberi perubahan dalam pembentukan akhlak pelajar. Peribadi guru yang baik boleh menjadi motivasi dan inspirasi diri pelajar dan hasil mencontohi perbuatan guru tersebut boleh diklasifikasikan sebagai peniruan. Menurut Atikah Fauziah (2018) pula, modelling merupakan satu konsep keteladanan dimana pelajar akan meniru perilaku yang ditonjolkan oleh gurunya. Pelajar melakukan peniruan, memerhatikan contoh teladan yang diberikan guru tentang sikap moral, toleransi, keadilan, kejujuran dan kerjasama.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kajian kes kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang bersifat induktif yang sesuai digunakan untuk penerokaan mendalam (Merriam, 2009). Manakala pendekatan kajian kes melibatkan huraian terperinci berkaitan individu dan menjurus kepada satu penjelasan yang unik terhadap pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada sesuatu perkara (Silverman, 2013).

Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada beberapa informan utama iaitu atlet pelajar yang menetap di asrama, guru dan juga pentadbir yang berkhidmat di Sekolah Sukan Negeri SMK Tun Hussien Onn. Berdasarkan kepada kajian ini, pengkaji memilih informan dalam kalangan atlet pelajar yang memiliki kebolehan berkongsi maklumat, tidak memiliki masalah disiplin, dan menetap di asrama Sekolah Sukan sekurang-kurangnya satu tahun, kriteria ini diguna pakai bertujuan bagi memastikan pengalaman menjalani iklim sekolah dapat dikongsikan oleh informan dengan jelas. Manakala bagi kriteria informan guru pula, pengkaji memilih guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada sepuluh tahun di Sekolah Sukan dan terlibat secara langsung dalam program-program yang berbentuk kerohanian di sekolah dan asrama. Manakala, dari pihak pentadbir, pengkaji memilih pengetua sebagai informan kerana pengetua merupakan penggubal dasar bagi sekolah dan asrama, maka pengetua merupakan informan yang paling tepat untuk dipilih sebagai informan kajian bagi pihak pentadbir. Persampelan bertujuan dalam konteks kajian kualitatif ialah informan yang dapat membantu menjawab persoalan kajian atau yang dapat memberikan data yang banyak dan jelas.

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Kaedah *Methodological triangulation* digunakan dalam kajian ini dimana temubual merupakan kaedah pengumpulan data utama dan disokong oleh analisis dokumen dan pemerhatian. Teknik temu bual mendalam separa struktur dipilih kerana sifatnya yang lebih fleksibel dapat membantu pengkaji dalam menguruskan aliran perbualan yang bercampur dengan jawapan terhadap isu yang signifikan daripada soalan yang diajukan. Teknik pemerhatian turut serta digunakan dimana pengkaji menyatakan tujuan, niat serta keinginan kepada informan untuk menjalankan kajian terhadap aktiviti yang berkaitan dengan informan kajian. Walaupun Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 bermula pada Mac 2020, namun sesi pemerhatian masih dapat dilaksanakan apabila sesi persekolah dimulakan pada Julai 2020 sehingga November 2020. Analisis dokumen dilakukan terhadap semua bahan-bahan penulisan, visual dan dokumen yang relevan dengan kajian. Bagi menguruskan data-data tersebut, pengkaji menggunakan perisian *Nvivo 11*.

Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada temubual, pemerhatian turut serta dan analisis dokumen, pengkaji telah membuka kod bebas pada setiap maklumat yang diperolehi. Setelah selesai semua proses pengekodan, pengkaji meneliti semua kod bebas dan menghubungkan kod-kod tersebut sebagai *axial coding*. Seterusnya pembentukkan sub tema akan dibentuk daripada penyusunan kategori yang berkaitan. Pengkaji menamakan setiap kategori dengan jelas agar tidak berlaku pertindihan dengan kategori yang berada dibawah sub tema yang lain kerana pertindihan tersebut akan mempengaruhi tema yang dibentuk. Pada akhirnya, tema yang baru dibentuk daripada sub tema boleh dianggap sebagai ekslusif dan berkesalingan (Yin, 2011). Tema yang dibangunkan pengkaji adalah saling melengkapi dengan tema-tema lain bagi membentuk jawapan bagi persoalan kajian. Oleh yang demikian, tema yang dibentuk pengkaji akan bersifat *mutually exclusive* terhadap persoalan kajian (Mohd Murshid Arshad, 2015).

DAPATAN KAJIAN

Beberapa pandangan telah dikemukakan oleh informan-informan yang terdiri daripada pengetua, guru dan atlet pelajar berkaitan pengaruh penghayatan iklim sekolah terhadap pembentukan akhlak atlet pelajar. Menerusi dapatan tersebut, terdapat beberapa subtema yang dikelompokkan seperti memantapkan pembelajaran berunsur kerohanian, pelajar berakhlik dan berdisiplin, mementingkan kebijakan bersama, pelajar berdikari, pelajar berkepimpinan, membentuk habit yang baik dan mampu melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Berdasarkan sub-sub tema tersebut, terbentuk pula tema utama iaitu, menjadi sekolah pilihan dan melahirkan pelajar ideal.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi hasil daripada temubual bersama informan-informan kajian terhadap pengaruh iklim sekolah kepada atlet pelajar adalah menjadikan sekolah tersebut sebagai sekolah pilihan ibu bapa dan atlet pelajar. Sekolah tersebut dijadikan pilihan kerana dapat memantapkan pembelajaran berunsur kerohanian kepada atlet pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sekolah sukan tersebut bukan hanya memberi tumpuan kepada bidang sukan tetapi ilmu keagamaan turut dititik beratkan.

Memantapkan pembelajaran berunsur kerohanian

Dapatan menunjukkan bahawa sekolah tersebut dijadikan sekolah pilihan kerana atlet pelajar dapat memantapkan pembelajaran berunsur kerohanian. Persekutuan sekolah yang membudayakan amalan-amalan keagamaan sebagai satu kaedah untuk memantapkan pengetahuan agama atlet pelajar menjadi satu sebab untuk ibu bapa berkeyakinan meneruskan pembelajaran anak-anak mereka di sekolah tersebut sebagaimana pernyataan yang dikemukakan oleh informan Guru A:

“..kebanyakannya, berpuas hati, dengan suasana belajar di sini kerana dititik beratkan keagamaan mereka rasa, puas hati dan mak ayah mereka menerima, hingga apabila program nak dipindahkan ke sekolah lain, sekolah yang lagi hebat dalam bidang hoki, mereka tak nak pindah”

Pandangan yang dikemukakan oleh informan Guru A menunjukkan bahawa sekolah tersebut tetap menjadi pilihan ibu bapa walaupun anak-anak mereka mendapat tawaran ke sekolah yang mempunyai lebih kemudahan sukan berbanding sekolah sedia ada. Namun disebabkan amalan agama yang dititik beratkan seiring dengan kepentingan sukan, maka ibu bapa berpendirian untuk terus mengekalkan pembelajaran anak-anak mereka di sekolah tersebut.

Melahirkan pelajar ideal

Berdasarkan dapatan hasil kajian, tema kedua yang terbentuk daripada pengaruh iklim sekolah adalah pelajar ideal yang boleh pecahkan kepada beberapa sub tema iaitu membentuk akhlak dan disiplin pelajar, mementingkan kebijakan bersama, pelajar berdikari, pelajar berkepimpinan, membentuk habit yang baik dan masa hadapan yang cerah.

Membentuk akhlak dan disiplin pelajar

Hasil temu bual mendapati bahawa iklim sekolah dapat melahirkan pelajar yang ideal dengan membentuk akhlak dan disiplin pelajar. Hasil daripada pembentukan tersebut maka terhasillah atlet pelajar yang memiliki akhlak yang baik selari dengan tuntutan agama serta atlet pelajar yang berdisiplin yang mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah sebagaimana yang dikongsikan oleh informan Pengetua A:

“Statistik Sistem Salah laku Disiplin Murid (SSDM) menunjukkan data yang jelas bahawa akhlak murid di THO berada dalam keadaan baik dan terkawal. Sejak beberapa tahun kebelakangan aduan dan kes berkaitan akhlak semakin kurang. Murid mulai faham tujuan asal mereka ke sekolah sukan dan fokus kepada hala tuju”

Pernyataan yang dikemukakan oleh informan Pengetua A jelas menunjukkan bahawa iklim sekolah berpengaruh dalam melahirkan atlet pelajar yang berakhhlak dan berdisiplin. Hal tersebut boleh dilihat berdasarkan perkongsian daripada informan Pengetua A berkaitan statistik Sistem Salah Laku Disiplin murid yang terkawal dan penurunan jumlah aduan kes salah laku.

Mementingkan kebajikan bersama

Berdasarkan dapatan kajian, pengaruh iklim sekolah juga dapat membentuk pelajar yang mementingkan kebajikan bersama. Dalam erti kata lain, membentuk pelajar yang boleh dipercayai, bijak membuat pilihan serta mengambil berat terhadap diri dan orang lain dengan mengambil kira segala tindakan yang dilakukan. Hal ini boleh dilihat melalui perkongsian daripada informan atlet pelajar 5 seperti berikut:

“lepas tu solat berjemaahlah, selalunya kita orang akan buat dekat asrama sama-sama, pastu saya jugak akan dengan rakan-rakan saya kita orang akan buat haaa jualan aaa dekat asrama, membuat sumbanganlah dekat kiosk, kita orang akan buat, duit tu akan rolling dekat asrama balik untuk membeli barang-barang yang dah rosak ke, menggantikan...’

Perkongsian yang dibuat oleh informan atlet pelajar 5 menjelaskan bahawa mereka akan bersama-sama mencari inisiatif untuk memberi khidmat bakti melalui jualan di asrama, keuntungan yang diperolehi daripada jualan tersebut digunakan bagi tujuan menambahbaik kemudahan asrama. Oleh yang demikian, menerusi perkongsian tersebut, dapat dirumuskan, iklim sekolah tersebut dapat memupuk individu atlet pelajar yang mempunyai sikap mementingkan kebajikan bersama.

Pelajar berdikari

Seterusnya, hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa iklim sekolah berpengaruh dalam membentuk pelajar yang berdikari iaitu pelajar yang tidak bergantung dengan orang lain dan boleh mengurus diri sendiri. Hal ini boleh dilihat berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh informan Atlet Pelajar 7:

“Naik ke dorm untuk pengurusan diri macam iron baju ke basuh baju ke buat homework apa semua, lepas tu dalam pukul 11 tu dah boleh tidurla tutup lampu semua, so ulang balik sampai esok pagi”

Pernyataan yang dikemukakan oleh atlet pelajar 7 tersebut menjelaskan bahawa segala rutin pengurusan diri di asrama seperti pengurusan pakaian perlu dilakukan sendiri, begitu juga dengan pengurusan masa, mereka sendiri yang perlu bijak dalam menyusun atur kehidupannya di asrama berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Oleh itu, perkongsian tersebut, jelas menunjukkan bahawa iklim sekolah tersebut dapat membentuk individu atlet pelajar yang berdikari dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain.

Pelajar berkepimpinan

Dapatkan kajian seterusnya menunjukkan bahawa iklim sekolah boleh memberi pengaruh dalam membentuk pelajar yang berkepimpinan melalui kebolehan mempengaruhi, memotivasi dan membimbing orang lain ke arah kebaikan sebagaimana pernyataan yang dikemukakan oleh informan Guru A:

“...pengalaman yang lepas-lepas kalau pelajar-pelajar aaaa susah kita nak gerakkan bangun pagi sehingga aa saya sendiri akan pergi ke dorm-dorm, tapi, dengan geraknya kita ke dorm-dorm itu, ruparupanya abang-abang pelajar ni cepat faham dan berjangkit kepada adik adik, berjangkit, maknanya perkara yang baik, sekarang ni, jadi taklah setiap hari subuh kita kene kejut mereka, abang-abang akan kejut mereka, adik-adik penuhkan saf semua, baru dia solat subuh, dan zuhur contohnya, mereka dah penuh semua, aaaaa ok, dia sembahyang, lepas sembahyang, dia susunkan, susunkan mengikut dorm-dorm atau pun mengikut tingkatan eaaa dia kira siapa yang tak ada”

Penjelasan yang dikemukakan oleh informan Guru A menunjukkan bahawa tindakan guru yang mengambil bahagian dalam mengerakkan pelajar untuk bangun solat subuh pada awalnya dapat mendidik pelajar-pelajar *senior* untuk bertindak seperti guru mereka. Hasil didikan tersebut, pelajar *senior* dapat membentuk sikap kepimpinan yang boleh dilihat melalui rasa tanggungjawab mereka mengerakkan pelajar yang lebih muda untuk bangun solat subuh dan mengenal pasti individu yang gagal hadir solat berjemaah untuk dimaklumkan kepada guru bagi tindakan susulan.

Membentuk habit yang baik

Selanjutnya, hasil kajian juga mendapati, iklim sekolah mempunyai pengaruh dalam membentuk pelajar yang mempunyai habit yang baik iaitu dengan mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah selagi ianya tidak bertentangan dengan syarak. Hal ini boleh dilihat berdasarkan perkongsian daripada informan Atlet Pelajar 2:

“solat secara berjemaah, kalau dekat rumah, saya jarangla solat berjemaah, *family* semua sibuk, kalau dekat sekolah ni, kita dapat pergi musolla sama-sama, solat sama-sama, berjemaah, *so* lepas tu, aaa macam dulu saya keluar jarang pakai *handsock* la, macam tudung atas dada semua, *so* saya masuk sini, tengok semua pakai *handsock*, tudung labuh tutup dada saya macam terkejutlah, *so* jadi saya dah biasakan benda tu dekat asrama, *so* bila balik rumah saya dh terbiasa, pakai *handsock*, tutup aurat semua” Perkongsian daripada informan Atlet Pelajar 2 menunjukkan bahawa iklim sekolah tersebut memberi pengaruh dalam pembentukan habit yang baik seperti solat berjemaah dan menutup aurat. Melalui perkongsian tersebut, dapat dilihat bahawa apabila persekitaran yang didiami dikelilingi oleh individu yang mempunyai habit yang baik, maka secara tidak lansung habit tersebut akan menjadi ikutan kepada orang lain.

Masa hadapan yang cerah

Akhir sekali, hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa iklim sekolah berpengaruh dalam membentuk pelajar yang mempunyai masa hadapan yang cerah sebagaimana pernyataan yang dikongsikan daripada informan Guru A:

“..pelajar-pelajar yang telah aaaa menghabisi atau pun menamatkan pelajaran di peringkat SPM di sini, mereka alhamdulillah, mereka mendapat aaa pelajaran menyambung pelajaran di IPTA atau pun mahu IPTS yang sungguh membanggakan. Mereka ada yang antaranya, menjadi jurulatih, ada yang menjadi guru, ada yang menjawat jawatan lain”

Penjelasan informan Guru A menunjukkan bahawa budaya yang terhasil daripada iklim sekolah berpengaruh dalam melahirkan atlet pelajar yang mempunyai masa hadapan yang cerah. Walaupun kebanyakannya tidak dapat meneruskan cita-cita untuk menjadi atlet yang profesional namun masih ramai dalam kalangan bekas atlet pelajar yang menyambung pengajian dalam bidang akademik sama ada dalam universiti awam mahupun swasta. Malahan, kejayaan sekolah juga terlihat apabila terdapat segelintir bekas atlet pelajar yang kembali ke sekolah dengan berkhidmat sebagai guru dan jurulatih.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Menjadikan Sekolah Pilihan

Beberapa pandangan telah dikemukakan oleh informan-informan yang terdiri daripada pengetua, guru dan atlet pelajar berkaitan pengaruh penghayatan iklim sekolah terhadap pembentukan akhlak atlet pelajar. Menerusi dapatan tersebut, iklim sekolah berpengaruh menjadikan Sekolah Sukan Negeri Johor sebagai sekolah pilihan dan melahirkan pelajar yang ideal.

Iklim sekolah dari perspektif Islam bermaksud persekitaran yang menekankan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual berdasarkan ajaran Islam (Arifin, 2019). Iklim sekolah yang mencerminkan ciri keislaman boleh dibentuk dengan membudayakan persekitaran yang harmoni, melahirkan kasih sayang dan hormat menghormati. Oleh itu, budaya sekolah yang menghidupkan nilai-nilai yang berteraskan akidah dan akhlak islamiah merupakan elemen yang penting agar dapat mewujudkan iklim yang selamat, melahirkan insan yang mempunyai perasaan ingin berbakti dan berusaha untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat (Razak, 2006).

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatkan yang diperolehi hasil daripada temubual bersama informan-informan kajian terhadap pengaruh iklim sekolah kepada atlet pelajar menunjukkan bahawa sekolah tersebut dapat dijadikan sebagai sekolah pilihan ibu bapa dan atlet pelajar. Sekolah tersebut dijadikan pilihan kerana dapat memantapkan pembelajaran berunsur kerohanian kepada atlet pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sekolah sukan tersebut bukan hanya memberi tumpuan kepada bidang sukan tetapi ilmu keagamaan turut dititik beratkan.

Memantapkan pembelajaran Berunsur Kerohanian

Dapatkan menunjukkan bahawa sekolah tersebut dijadikan sekolah pilihan kerana atlet pelajar dapat memantapkan pembelajaran berunsur kerohanian. Persekutuan sekolah yang membudayakan amalan-amalan keagamaan sebagai satu kaedah untuk memantapkan pengetahuan agama atlet pelajar menjadi sebab untuk ibu bapa berkeyakinan meneruskan pembelajaran anak-anak mereka di sekolah tersebut.

Pandangan yang dikemukakan oleh informan Guru A menunjukkan bahawa sekolah tersebut tetap menjadi pilihan ibu bapa walaupun anak-anak mereka mendapat tawaran ke sekolah yang mempunyai lebih kemudahan sukan berbanding sekolah sedia ada. Namun disebabkan amalan agama yang dititik beratkan seiring dengan kepentingan sukan, maka ibu bapa berpendirian untuk terus mengekalkan pembelajaran anak-anak mereka di sekolah tersebut.

Melahirkan Pelajar Ideal

Iklim sekolah boleh memberi kesan dalam kehidupan pelajar. Iklim sekolah yang positif boleh menjadi pendorong kepada pelajar melakukan kebaikan. Manakala iklim sekolah yang negatif mendorong pelajar melakukan perkara yang sebaliknya. Kedua-dua unsur positif dan negatif tersebut merupakan pembelajaran sosial kepada pelajar dalam proses membentuk jati diri. Berdasarkan penerokaan iklim sekolah yang memperkasakan amalan harian dengan mengimbangkan penglibatan sukan, akademik dan kerohanian di samping melazimi budaya sihat dan positif, maka sekolah dapat melahirkan atlet pelajar yang ideal.

Undang-undang yang diwujudkan dalam iklim sekolah bertujuan untuk menggalakkan warganya mengamalkan tatasusila yang menjaga hubungan sesama manusia sama ada terhadap guru, rakan-rakan mahupun kakitangan sekolah. Penerokaan terhadap iklim sekolah menunjukkan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak sekolah dapat membentuk pelajar yang berakhlik dan berdisiplin. Hal ini bertepatan dengan kajian Awang dan Suyanto (2017) yang menyatakan iklim Sekolah yang melaksanakan amalan disiplin dengan tekal dan saksama boleh mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang selamat dan seterusnya melahirkan pelajar yang memiliki kesihatan mental dan kecerdasan emosi iaitu tidak mudah terdorong untuk melakukan perkara yang melanggar perintah agama.

Selain daripada itu, hasil didikan yang diberikan sepanjang keberadaan atlet pelajar di sekolah tersebut dapat memupuk sikap mementingkan kebajikan bersama dengan mengambil berat terhadap diri dan orang lain. Kehidupan yang dijalani di sekolah tersebut menunjukkan atlet pelajar bersama-sama melakukan tanggungjawab rutin mereka iaitu dengan menjadikan rakan-rakan sebagai pendorong. Hal ini secara tidak lansung menunjukkan bahawa rakan sebaya merupakan sumber pengaruh paling kuat

dalam membantu perkembangan diri sejajar dengan itu, Ulwan (2004) menyatakan pergaulan dengan rakan-rakan yang memiliki akhlak yang rosak akan memberikan kesan yang negatif ke atas tingkah laku seseorang. Dapatkan menunjukkan, sokongan rakan-rakan yang memiliki keperibadian yang baik, berakhlek dan mengajak ke arah kebaikan menjadi inspirasi untuk diikuti. Dapatkan kajian ini bertepatan dengan Hadith Rasulullah SAW yang bersabda sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tirmizi yang bermaksud, “Seseorang itu akan terpengaruh dengan temannya. Maka hendaklah seseorang kamu itu memilih siapa yang harus dijadikan teman”.

Seterusnya, hasil dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa iklim sekolah berpengaruh dalam membentuk pelajar yang berdikari iaitu pelajar yang tidak bergantung dengan orang lain dan boleh mengurus diri sendiri. Hasil dapatkan kajian menunjukkan segala rutin pengurusan diri di asrama dilakukan sendiri bermula dari bangun tidur sehingga selesai aktiviti sehari-hari pada hari tersebut. Kehidupan di asrama sememangnya bertujuan membentuk individu pelajar yang berdikari. Sikap berdikari akan membentuk individu yang berani untuk menghadapi sebarang risiko dan membolehkan seseorang tidak teragak-agak untuk membuat sesuatu pilihan kerana yakin dengan kemampuan dan potensi diri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang kreatif seterusnya menghasilkan sesuatu pekerjaan yang berkualiti. Oleh itu, sikap berdikari merupakan elemen yang penting dalam diri pelajar sebagai satu persediaan menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Dapatkan kajian seterusnya menunjukkan bahawa iklim sekolah boleh memberi pengaruh dalam membentuk pelajar yang berkepimpinan. Sikap mementingkan kebajikan bersama dapat melahirkan pelajar yang mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi, hal ini boleh dilihat melalui dapatkan kajian yang menunjukkan bahawa pelajar *senior* akan memastikan pelajar-pelajar yang lebih muda untuk bangun menunaikan solat subuh secara berjemaah di surau. Namun begitu, sikap kepimpinan bukan hanya perlu ada pada individu tertentu tetapi seharusnya dimiliki oleh setiap individu pelajar kerana daripada Ibnu Umar, daripada Nabi SAW, beliau bersabda: “Ketahuilah setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin”

Hadith di atas menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul dan ditunaikan dengan sebaik mungkin iaitu sekurang-kurangnya seseorang itu menjadi pemimpin untuk dirinya sendiri agar tidak terjemuhs dan lalai dengan kemaksiatan.

Selanjutnya, hasil kajian juga mendapati, iklim sekolah mempunyai pengaruh dalam membentuk pelajar yang mempunyai habit yang baik. Nata (1997) menyatakan anak-anak perlu dibiasakan dengan tingkah laku yang baik agar semua sifat-sifat yang baik tersebut menjadi satu kebiasaan baginya sehingga perkara tersebut tidak menjadi satu kesulitan dan kepayahan untuk ditunaikan. Pembudayaan bagi amalan kerohanian seperti solat berjemaah, tadarus al-Quran yang dilakukan secara berterusan dapat membentuk satu habit yang akhirnya menjadi tabiat dalam kehidupan atlet pelajar. Tabiat yang berteraskan keimanan kepada sang Khaliq mampu melahirkan jiwa-jiwa yang bersih. Zakaria Stapa (1997) menyatakan bahawa amalan seperti solat, puasa dan membaca al-quran adalah amalan yang boleh membantu usaha membersihkan jiwa atau dikenali sebagai *tazkiyatuh al-nafs*. Jiwa yang bersih ini seterusnya akan mendorong akal untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Akhir sekali, hasil dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa iklim sekolah berpengaruh dalam membentuk pelajar yang mempunyai masa hadapan yang cerah. Walaupun ada di antara atlet pelajar yang tidak dapat meneruskan cita-cita untuk menjadi atlet yang professional namun masih ramai dalam kalangan bekas atlet pelajar yang menyambung pengajian dalam bidang akademik sama ada di universiti awam mahupun swasta. Malahan, kejayaan sekolah juga dapat dilihat apabila terdapat segelintir bekas atlet pelajar yang kembali ke sekolah berkhidmat sebagai guru dan jurulatih.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa iklim Sekolah Sukan Negeri Johor yang memberi penekanan kepada pembelajaran berunsurkan kerohanian memberi pengaruh kepada terhasilnya pelajar yang ideal. Dapatan kajian ini secara tidak langsung selari dengan kajian Muhamad dan Hashim (2017) yang menunjukkan suasana keagamaan yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dapat memberi kesan yang positif terhadap pembentukan akhlak pelajar. Selain daripada itu, hasil kajian ini juga menyokong dapatan kajian Khaled (2018) bahawa elemen kerohanian yang dilaksanakan melalui Modul Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dapat memberi impak kepada peningkatan sahsiah diri pelajar.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah salah satu usaha untuk mengkaji bentuk penyelesaian krisis akhlak dalam kalangan pelajar secara amnya, serta menjana idea yang sesuai untuk dilaksanakan di sekolah sukan bagi melahirkan juara sukan profesional yang beriman. Kajian ini adalah kajian kes yang melibatkan sepuluh orang informan yang terdiri daripada lapan orang pelajar dari Tingkatan Tiga, Empat, dan Lima, seorang guru dan pengetua. Oleh yang demikian, cadangan untuk kajian akan datang ialah pengkaji boleh menggunakan informan kajian yang berbeza dan lebih menyeluruh dengan melibatkan pelbagai jenis sekolah dan semua tingkatan supaya perbandingan antara kepelbagaiannya boleh dilakukan. Kajian ini juga membincangkan amalan yang dilakukan oleh pentadbir dan guru dalam mewujudkan iklim sekolah dan penerimaan atlet pelajar terhadap iklim tersebut. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan mengenai pelaksanaan “*Iklim Dini*” yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1996 untuk diterapkan oleh semua warga sekolah, iaitu untuk mewujudkan amalan dan kebiasaan seseorang yang mengamalkan dan menghayati pemikiran Islam dalam kehidupan seharian (Mahi Din Sari, 1998). Hasrat ini juga adalah sejajar dengan harapan negara dalam membentuk generasi harapan bangsa yang memiliki keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual dalam mencapai taraf negara maju.

RUJUKAN

- Abidin, M. Z. H. Z. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam Kitab Al-Muqaddimah. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, 2(1), 26-35.
- Ahmad, N., Solihin, S. M., & Amir, A. N. (2021). [Analysis on the issues of faith in tafsir al-Quran al-Karim] Analisa ringkas tentang isu-isu akidah dalam tafsir al-Quran al-Karim. *KQT eJurnal*, 1(1), 22-36.
- Arifin, R. B. M., bin Mat Teh, K. S., & Amrullah, M. (2018). Pemikiran Ibnu Khaldun dalam strategi pelaksanaan Iklim Dini di sekolah. *Pedagogia: Jurnal Pendidikan*, 7(2), 137-144.
- Bandura, A., & Walters, R. H. (1977). Social learning theory (Vol. 1). Prentice Hall: Englewood cliffs.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). Research method in education. Routledge, NY:Madison avenue.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches. Sage publications.
- Hidayat, Y. (2019). Pendidikan dalam perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Pendidikan Islam Al-Ilmi*, 2(1).
- Ismail, R., Ahmad, N. A., Ibrahim, F., & Nen, S. (2017). Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja (The influence of individual, familial and social environmental factors towards substance abuse behavior among adolescents). *Akademika*, 87(1).
- Juarman, J., Susanto, H., & Kurnianto, R. (2021). Konsep pendidikan akhlak menurut Buya Hamka dan Ibnu Miskawaih serta relevansinya terhadap pengembangan Pendidikan Islam. *JMP: Jurnal Mahasiswa Pascasarjana*, 1(1), 37-74.
- Kamaruddin, S. A., & Majid, L. A. (2017). Peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. *Al-turath journal of al-Quran and al-Sunnah*, 2(2), 31-37.

- Manan, S. (2017). Pembinaan akhlak mulia melalui keteladanan dan pembiasaan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*, 15(1), 49-65.
- Merriam, S. B. (2002). Introduction to qualitative research. Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis, 1(1), 1-17.
- Muhamad, N., & Hashim, A. (2017). Pelaksanaan Biah Solehah dan kesan terhadap penghayatan akhlak pelajar Di SMKA. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 8(1), 25-43.
- Nuruzzaman, M. G. (2017). Pengaruh teladan kyai terhadap akhlak santri di MMI Baitul Arqom Balung (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Jember).
- Osman, A., & Yahya, S. A. (2018). Hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah sukan. *Jurnal Maw'izah*, 1(1), 154-165.
- Rufaedah, E. A. (2018). Teori belajar Behavioristik menurut perspektif Islam. *Risâlah, Jurnal Pendidikan Dan Studi Islam*, 4(1, March), 13-30.
- Silverman, D. (2013). Doing qualitative research: A practical handbook. Sage